

AGAMA ISLAM DALAM MEMBENTUK RIWAYATNYA

Dasar Islam yang sejati dan pokoknya yang asli:

- (1) Mentawhidkan Allah dan melarangkan Israk.
- (2) Memperteguhkan persaudaraan sesama manusia.
- (3) Mengingatkan bahawa agama Islam itu tidak diturunkan dengan kesukaran tetapi mudah difaham dan dikerjakan.
- (4) Tidak ada kelebihan seseorang manusia dengan manusia yang lain melainkan kerana bakti takwa kepada Allah jua.
- (5) Dasar pemerintahan atas mesyuarat.

Dengan dasar seperti inilah agama Islam ditegakkan oleh Nabi Muhammad shallā Allāh ‘alaihi wa sallam sehingga sanggup mempersatukan umatnya dan telah menimbulkan beberapa kemajuan budi pekerti, kemerdekaan faham dan kebudayaan beratus tahun lamanya.

Sayang dasar perjuangan telah dibelokkan oleh Mu‘āwiyah yang memutar pilihan ketua negara dengan kehendak bersama, untuk dijadikan pusaka keluarganya dan suku sakatnya. Perbuatan Mu‘āwiyah yang salah itu sudah tentu berkehendak pula kepada kekuatan tenaga manusia keturunan demi keturunan untuk membetulkannya.

Setelah lepas kurun yang keenam Hijrah yakni sesudah jatuhnya kerajaan ‘Abbāsiyah di Baghdad maka beransurlah pula kemunduran Islam dan hilang pengaruhnya menjadi agama yang dikerjakan dengan tiada semangat. Islam sesudah menjadi agama yang telah mementingkan rupa tiada lagi mementingkan rasa. Rasulullah pernah bersabda: Kamu akan mengikut jejak pemeluk-pemeluk agama yang sebelum kamu (Yahudi, Nasrani) setapak demi setapak.

maka bertemulah apa yang dikatakan Nabi itu. Perhubungan yang langsung kepada Allah telah putus di tengah-tengah. Mula-mulanya merdeka mengikut jalan Tuhan menurut pedoman iman sendiri dan ulama-ulama hanya sebagai petunjuk jalan, tetapi akhirnya ulama-ulama itu telah mengikut jejak pendeta

Nasrani tidak lagi menjadi penunjuk jalan. Tidak ada lagi kemerdekaan berfikir dan menimbang melainkan harus ditelan dan harus diterima apa yang dikatakan oleh ulama, menjadi taklid buta, menurut dengan tuli, tiada boleh ditukar dengan yang lain, kata haram lebih banyak dari kata harus.

Apakah yang dibicarakan oleh ulama itu? Ulama yang dahulu mengambil hukum daripada al-Quran sendiri, hadis Nabi disaring benar-benar kerana telah banyak campuran buatan manusia yang mempunyai maksud untuk kepentingan sendiri, lalu ulama itu mempergunakan “ijtihad”. Ijtihad itu mereka namakan “zanni” tidak hukum yakin.

Ulama itu berkata bahawa jika bertemu kataku itu dan bertemu pula dengan hadis yang sahih tinggalkanlah kataku dan ambil hadis yang sahih. Dan ada pula yang berkata: Jangan dipegang perkataanku atau perkataan ulama yang lain tetapi peganglah al-Quran dan hadis yang sahih.

Mereka bekerja keras membanting otak membuka rahsia al-Quran dan memudahkannya bagi orang lain dengan tidak memaksa orang mesti menerima apa yang dia putuskan, maka majulah kecerdasan fikiran dan majulah ilmu feqah menjadi satu ilmu yang teratur, ilmu itu diperluas diperkembang oleh yang datang kemudian.

Yang datang kemudian mensharah matan, sharah diberi pula

hashiyah, diberi pula taqdir, tetapi lama-lama daripada berijtihad tadi telah menjelma menjadi mazhab yang telah ditentukan lalu timbul pertikaian, kerana berlainan mazhab, kadang-kadang batil membatil, salah menyalahkan supaya timbul pula perbuatan pengaruh dalam negeri, berbuat menjadi kadi, jadi syeikh al-Islām, jadi mufti, sehingga jabatan ulama yang mulia itu telah menjadi pangkat perbuatan dunia.

Mulanya tentulah yang terkemuka ialah ulama yang ahli, lama-lama pangkat itu sudah boleh dibeli dengan wang suap, akhirnya pangkat itu menjadi hak keturunan sebagai pangkat raja juga. Kerana keturunan atau kerana diperjual belikan itu maka ulama bukan lagi kerana ilmu tetapi kerana pakaian sahaja, serban besar-besar, jubah tasbih dan azimat.

Ilmunya sangat sempit, yang bernama ulama hanyalah yang tahu kitab feqah mutaakhirin di dalam mazhabnya, dia tidak berani memperlajari feqah daripada pokoknya iaitu al-Quran atau hadis kerana menilik al-Quran dan hadis itu adalah martabat ijtihad sedang dia ialah "maqlud" ahli taklid. Maka nyatalah pada zaman kemunduran, ulama telah dididik merasa diri rendah sehingga jika sekiranya ada orang yang hendak mengambil hukum daripada al-Quran dan hadis dipandang sebagai orang sesat yang memecah ijma', melawan ulama dan lain-lain tuduhan!

Ada pun "albumā" ialah perkataan jamak daripada "alim" iaitu orang yang berpengetahuan, erti ini umu dan meliputi. Tahu akan perkara yang berhubung dengan agama dan dunia, luas fahaman, lanjut penyelidikannya dan jauh pandangannya, tetapi setelah kemajuan Islam mundur, erti ulama itu telah dipersempitkan. Ulama menurut takrif mundur ialah yang mahir dalam kitab-kitab yang telah lama tidak berani keluar dari garis kitab-kitab itu sebab fikirannya sendiri tidak berjalan, ia menjadi jumud buku, kandungan kitab karnagan manusia itulah yang mereka namai nas!

Pada hal al-Quran ialah punca kemerdekaan fikiran dan kemerdekaan fikiran itulah yang diperjuangkan oleh manusia seisi alam sehingga tercapai kemajuan seperti sekarang. Memerdekan fikiran itulah maksud yang sejati daripada kedatangan Nabi Muhammad shallā Allāh 'alaihi wa sallam, tetapi semenjak kemajuan Islam mundur, kemerdekaan fikiran itulah yang telah tertutup. Al-Quran telah tinggal menjadi satu kita yang dibaca untuk dilagukan dengan bebayan-bebayan merdu, diambil berkat membacanya tetapi tidak digali rahsia yang terkandung di dalamnya. Bukan tak ditafsir al-Quran itu tetapi telah dipenuhi oleh dongeng-dongeng kuno yang tiada berdasar dari pengajaran Islam. Jika bertemu hukum yang tepat di dalam al-Quran itu tetapi bersebelahan dengan tafsir atau fatwa yang dikeluarkan oleh ulama-ulama di dalam mazhabnya maka yang dahulu dipakai ialah fatwa ulama itu, al-Quran disingkirkan ke tepi dahulu.

Lain daripada yang tersebut itu buat apa pulakah dipergunakannya al-Quran?

Berpuluh-puluh orang yang mengakui dirinya ahli ilmu ghaib, tukang tenung dan ramal, membuat berbagai-bagai barang yang dinamai azimat dengan memakai ayat-ayat Quran juga. Apabila ayat itu atau ayat ini dibaca sebenci-benci perempuan ia jatuh cinta, apabila ayat ini atau ayat itu diamalkan maka orang yang datang menagih hutang akan tertutup sahaja mulutnya tidak berani bersuara. Huruf ini deikian khasiatnya, serupa itu sekian pula pengaruhnya. Ada pula ayat yang ereka jadikan sebagai "tingkat buat masuk ke dalam syurga." Baca sahaja ayat Kursī tiga kali ketika hendak tidur atau Qul huwā Allāhu aḥad seratus kali maka kelak mati terus masuk syurga. Jadi syurga yang dicapai oleh Nabi-nabi dan Rasul-rasul, orang-orang syahid dan orang-orang mujahadah dengan perjuangan dan dengan mengorbankan darah dan air mata boleh dibeli daripada tukang jual ayat tadi dengan harga yang amat murah!

‘alaihi wa sallam tidak pula kurang buruk nasibnya daripada itu. Hadis yang sahih daripada Rasulullah telah payah memilihnya, mana yang betul, mana yang lemah dan mana yang bohong. Kekacauan politik dan perbuatan pengaruh di antara parti-parti setelah Rasulullah wafat menyebabkan tidak sedikit orang memperbuat hadis-hadis palsu untuk kepentingan partinya.

Bukan sahaja kaum politik yang telah merosakkan kesucian agama dengan hadis-hadis palsu itu bahkan tukang-tukang azimat. Tukang tenung, tukang jual permata cincin pun membuatnya pula, sehingga ulama-ulama hadis dan penyelidik yang sejati perlu menyaring sehabis-habis saringan dalam tempoh berpuluh tahun untuk menyisihkan mana yang tulen dan mana yang palsu.

Dengan hadis-hadis palsu itu dapat diterima oleh akal yang bersih, fikiran orang-orang awam kerapa disesatkan oleh golongan yang digelar ulama itu.

Di samping kerosakannya perjalanan itu timbul pula kaum Sufi (ahli Tasawwuf) yang menganjurkan kebenaran kepada dunia. Setelah diselidiki terdapatlah bahawa pengaruh ajaran agama yang lain yang memandang sesamanya manusia dapat menjadi “orang perantaraan” antara dia dengan Allah, lalu timbullah beberapa ajaran dalam golongan itu seumpama “tujuh” dan lain-lain yang bererti bahawa seseorang tidak akan dapat perhubungan dengan Allah kalau tidak dengan perantaraan syeikhnya (gurunya).

Maka amat cepatlah manusia berpaling kepada yang lain dan meninggalkan jalan Tuhan. Dibesarkannya sesama manusia supaya menyampai darjat Allah, ada sesamanya manusia yang dikatakannya keramat, wali Allah, lalu mereka meminta berkat atau meminta pertolongan kepada keramat dan wali itu bila mana keramat atau walinya itu meninggal nia diperbuatkannya makam dan kubah di kuburnya dan dihormati seperti biasa kemudian dipandanginya sebagai satu tempat suci pada hal pada hakikatnya sudah menjadi berhala.

Dijadikan tempat berniat dan bernazar, lalu dihantar bunga ke sana dan dibakarkan kemenyan.

Lebih menyakitkan hati lagi bila mana bukan kubur sahaja yang ditahankan bahkan orang yang masih hidup khalifah-khalifah Bani ‘Ābbas dalam zaman kemunduran itu duduk di atas singgahsana bertatahkan emas dan permata ratna utu manikam, berkelambu kain sutera Diyungga. Di kelilingi biti-biti dan bintang. Mengipaskan kipas bulu merak di kiri kanan baginda. Siapa yang hendak menjunjung duli dan berdatang sembah hendaklah sujud melekapkan keningnya ke bumi tidak boleh mata menentang wajah baginda, dan walau pun hendak menentang tidak dapat sebab baginda duduk di balik kelambu halus. Seorang utusan kerajaan lain yang datang mengadap wajiblah memenuhi syarat-syarat ini.

Itulah adat istiadat raja-raja Timur zaman purbakala semasa raja-raja itu dipandang sebagai Tuhan atau dewa, telah kepindahan adat-adat itu ke dalam istiadat istana-istana khalifah “*amīr al-mū‘minīn*” sendiri menurut bentuk istiadat raja-raja Parsi keturunan Sasan.

Cubalah bandingkan kehidupan khalifah-khalifah yang telah damaikan rupa dengan kehidupan khalifah yang pertama iaitu Abū Bakr yang hanya berbelanja dua dirham sehari, atau ‘Umar yang ketika Harmizan seorang di antara orang-orang besar Parsi datang mengadapnya, didapatinya beliau sedang tidur berbaring di pasir panas di luar kota Madinah dan jejak pasir terlekat dan terkesan pada pipinya, memakai pula sehelai qamis dari kain belacu.

Kalau sekiranya hukama sejarah bersidang lalu menyelidiki siapakah agaknya yang bertanggungjawab atas keruntuhan Islam ini, maka tertujulah mata umum kepada dua orang di sudut yang duduk melihat-lihat serupa orang tidak turut campur dalam perkara ini. Pertama golongan yang digelar

“ulama” sebagaimana yang digambarkan sifat mereka di atas tadi, dengan jubahnya yang besar dan serbannya yang besar sambil membilang-bilang tasbeih sebab “dia telah mati sebelum dia mati”. Kedua golongan yang diri gelar “Raja, sultan, amīr al-mu’minīn” dan lain-lain sebagainya dengan jari-jari yang penuh XXXX atas leher berkalung mutiara mahal dan di tangannya pula terpegang tongkat kekuasaan.

Keduanya bekerjasama dengan rapat menindis kemerdekaan fikiran. Raja menghisap darah rakyat, mengambil isi baitulmal untuk kepentingan dirinya sendiri, rakyat mati kelaparan dan ulama mutalaah kita mencari dalil-dalil untuk menghalalkan perbuatan itu. Kalau ada rakyat atau ulama sejati yang mencuba membantah atau menolak kezaliman, maka mereka akan dijatuhkan hukum buangan, penjara, dikerat lidah, dipotongi tubuh atau dipalangkan di pintu kota.

Ulama siang malam berusaha mematikan semangat rakyat dengan fatwa-fatwa membenci dunia, bahawasanya dunia itu adalah tipuan semata-mata hingga tidak disisihkan lagi mana dunia untuk mencapai akhirat dan mana yang dibenci itu. Pada hal raja sendiri memakai dunia itu iaitu dunia yang tidak boleh didekati rakyat.

Kalau rakyat mengadu kepada ulama atas malang nasibnya maka dia dipujuk disuruh sabar! Semuanya adalah takdir Allah Ta‘ālā yang tidak boleh dielakkan. Jika raja berlaku zalim adalah itu cemeti Tuhan kepada hamba Allah kerana derhaka kepada Tuhan, maka tidaklah ada jalan lain lagi melainkan memperbanyak taubat dan zikir dan memperbanyak sedekah kepada orang alim, kalau sabar maka nanti akan masuk syurga *jannat al-na‘īm*, di sana ada anak bidadari yang cantik jelita.

Untuk usaha itu tentu ada: T. S. T. Mereka akan dikurniakan oleh raja persalinan, gedung indah, kekayaan dan gelaran.

Tentu politik T.S.T tadi dilanjutkan pula, maka ulama itupun mencirikan pula gelar yang sepadan buat baginda sultan yang harus diteladati oleh rakyat. Rakyat yang tidak ada perasaan tanggungjawab sama sekali atas negara itu. Sultan terkaya pernah diberi gelar: “Junjungan yang Maha Suci, yang suci daripada tandingan dan tara. Mak negara hai kehidupan, besayang-besayang Allah di atas bawan, khalifah Nabi Muhammad, tempat jatuhnya ilham, tempat timbul dari segala keramat, maharaja diraja, yang menguasai leher segala isis alam, wali dari segala nikmat”.

Kalau sekiranya “gelaran kebesaran” yang panjang ini belum juga dinamai syarak maka syarak yang manakah pula yang dikatakan syarak?

Dalam gelap gelita yang demikian apabila telah bersemangatan maka datanglah sultan lain atau pengadu untung yang lain dosokong oleh setapanya pula (ulama tentu!) dan tukang tenung, tukang azimat, merampas kerajaan dari sultan lama dan menggantikan kedudukannya. Diberi rakyat kata-kata harapan maka tersalah perubahan, kerana bersedia untuk menerima penderitaan yang lebih sakit pula. Menontonlah di pinggir jalan setiap hari Jumaat melihat raja pergi sembahyang dengan segala macam kebesaran dan kemewahan dan katakanlah itu rajamu, deritalah segala penindasan kerana itulah rajamu.

Pada waktu seperti itulah benua Eropah bangun, Sepanyol merampas kekuasaan Islam yang penghabisan dan bersama Portugis, lalu Perancis, Inggeris dan Belanda mendapat satu kekayaan dalam menyampai yang tersebut dalam seribu satu malam, melihat kekayaan emas perak, permata berlian, tanah yang subur dari umat yang sedang tidur. (petikan ‘Abdul‘azīz Tīmī-Kedah, dari Buahipina Pujangga Hukama.)